

1985

BATU PAHAT. 28 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI DASAR EKONOMI KERAJAAN SEKARANG IALAH MEJUJUDKAN GOLONGAN KECIL MASYARAKAT PETANI YANG BERPRODUKTIVITI BESAR LAGI MAHIR MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN.

MEREKA YANG TIDAK DIPERLUKAN LAGI DALAM BIDANG PERTANIAN ADALAH DIHARAPKAN PULA AKAN BERKECIMPUNG DALAM LAPANGAN PERUSAHAAN DAN PERIDUSTRIAN NEGARA, PATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN PUSAT PERKHIDMATAN PERTANIAN BERSEPADU SERI MEDAN 22 KILOMETER DARI SINI BERTERANGA \$1.1 JUTA YANG MEMBERI PERKHIDMATAN PERTANIAN KEPADA 2,500 KELUARGA TANI DI SERI MEDAN DAN KAWASAN SEKITARNYA.

PUSAT PERKHIDMATAN ITU DILENGKAPI ANTARA LAIN BENGKEL, BILIK PELAJARAN, RUMAH KAKITANGAN DAN TAMAN PERMAINAN UNTUK KANAK-KANAK. -- LAGI.

2022MST 28 06 85

D239

U B122 448

MAHATHIR - PETANI 2 BATU PAHAT R R R R

PUSAT ITU ADALAH SEBUAH DARIPADA INFRASTRUKTUR PERKHIDMATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU JOHOR BARAT YANG MELIPUTI DAERAH PONTIAN, JOHOR BAHRU, BATU PAHAT, KELUANG DAN MUAR.

PERDANA MENTERI BERKATA PERTANIAN DI MALAYSIA ADALAH TIDAK BERKESAN, DI TAPAK LAMA. DI TAKUK LAMA, USANG DAN TIDAK MENGHASILKAN PENGELUARAN YANG TINGGI.

+SUDAH TIBA MASANYA, KITA MENCONTOHI PUSAT PERTANIAN DI AMERIKA SYARIKAT YANG MANA HANYA 5 PERATUS DARIPADA PENDUDUK BERJUMLAH 260 JUTA MELIBATKAN DIRI DALAM PERTANIAN TETAPI MAMPU MENGHASILKAN KELUARAN BUKAN SAHAJA UNTUK KEGUNAAN SENDIRI BAHKAN BERLEBIHAN UNTUK DIEKSPOT,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR INGINKAN GOLONGAN PETANI MENUKAR SIKAP, GIGIH BEKERJA, RAJIN DAN BERDISIPLIN SUPAYA UJUD SATU GOLONGAN PETANI YANG DAPAT MENANDINGI KUMPULAN PETANI SEPerti DI AMERIKA SYARIKAT.

+KITA MAHU BILANGAN PETANI BERKURANGAN DI NEGARA INI TETAPI DAYA PENGELUARAN YANG DIHASILKAN MEREKA MENINGKAT UNTUK MENAMPUNG KEPERLUAN TEMPATAN DAN BERLEBIHAN UNTUK DIEKSPOT,+ UJARNYA. -- LAGI.

2023MST 28 06 85

D245

R B124 448

MAHATHIR - PETANI 3 BATU PAHAT R R R R

MENGENAI SERI MEDAN, PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN PUSAT DAN NEGERI SEDAR AKAN MASALAH YANG SENTIASA DIHADAPI OLEH PENDUDUK DI SITU DAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MENGATASINYA MELALUI PROJEK BERSEPADU JOHOR BARAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KEMUNGKINAN KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN \$200 JUTA UNTUK MEMAJUKAN LAGI PROJEK TERSEBUT DI PERINGKAT KEDUA.

MENTERI BESAR JOHOR, DATUK ABDUL AJIB AHMAD BERKATA, KERAJAAN NEGERI BERHARAP KERAJAAN PUSAT AKAN DAPAT MENYOKONG SUPAYA PERLAKSANAAN PERINGKAT KEDUA PROJEK BERSEPADU JOHOR BARAT ITU DAPAT DILAKSANAKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA BAGI FAEDAH 50,000 PENDUDUK DI SITU.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELAWAT PARIT BASRI UNTUK MENEMUI ANGGOTA-ANGGOTA UMNO PARIT SULUNG SEBELUM TERBANG SEMULA KE JOHOR BAHRU. -- BERNAMA

2037MST 29 06 85

D052